

Dr M berbuka bersama ahli MT

BH 16 DEC 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat
- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berbuka puasa bersama ahli Majlis Tertinggi (MT), Ahli Parlimen Barisan Nasional serta pemimpin Umno bahagian di Dewan Tun Dr Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Pada majlis anjuran Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu, Perdana Menteri turut menunaikan solat Maghrib, Isyak dan tarawih, sebelum menyampaikan ucapan kepada kira-kira 200 yang hadir.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Siti Hasmah Mohd Ali dan isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Hendon Mahmood.

Turut serta Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob; Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Menteri Besar Kedah, Syed Razak Syed Zain serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Abdul Hamid Othman.